

08 FEB 1999

Mahkamah-Anwar (Peguam Negara)

MAHKAMAH BENAR PEGUAM NEGARA KETUAI PENDAKWAAN

KUALA LUMPUR, 8 Feb (Bernama) -- Mahkamah Tinggi hari ini membenarkan Peguam Negara Tan Sri Mohtar Abdullah mengetuai pendakwaan pada perbicaraan Datuk Seri Anwar Ibrahim yang kini diperintahkan membela diri.

Hakim Datuk S. Augustine Paul semasa membuat keputusan berkata, mengikut undang-undang Peguam Negara boleh mengendalikan apa-apa kes dan tiada mahkamah boleh mempertikaikan budibicara untuk mengendalikan kes itu.

Beliau membuat keputusan itu selepas peguambela Anwar yang diketuai oleh Raja Aziz Addruse membantah kehadiran Mohtar bersama enam pihak lain termasuk Timbalan Kanan Pendakwa Raya Datuk Abdul Gani Patail dan Azahar Mohamed.

Mohtar ialah seorang daripada saksi yang disenaraikan dan disediakan kepada pembelaan selain Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Tun Daim Zainuddin dan Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob.

Peguam Negara, yang tidak dikehendaki oleh pembelaan sebagai saksi mereka, tiba di mahkamah pada 8.45 pagi.

Apabila mahkamah bersidang pada 9 pagi, beliau memberitahu mahkamah bahawa beliau sebagai Peguam Negara akan mengetuai pasukan pendakwaan pada perbicaraan bekas Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan itu.

Hari ini merupakan kali kedua Mohtar hadir pada perbicaraan ini selepas 30 Nov selepas beliau mengetuai pendakwaan dalam prosiding ke atas Zainur Zakaria, seorang daripada peguambela Anwar, yang menghadapi tuduhan menghina mahkamah.

Anwar, 51, yang dipecat daripada Kabinet 2 Sept tahun lalu mula membela diri terhadap empat pertuduhan pindaan melakukan amalan rasuah pada perbicaraan hari ini yang masuk hari ke-51.

Beliau diperintah membela diri terhadap tuduhan menggunakan kedudukannya untuk mencampuri siasatan polis terhadap dakwaan salahlaku seks ke atasnya.

Raja Aziz membantah kehadiran Mohtar sambil berkata Peguam Negara ialah seorang daripada saksi yang terdapat dalam senarai dan SAC 1 Musa Hassan, pegawai penyiasat kes telah memberi keterangan bahawa beliau mengadakan pertemuan dengan Anwar yang dihadiri oleh Peguam Negara.

Walaupun beliau tidak dipanggil oleh pendakwaan sebagai saksi mereka dan tidak dikehendaki sebagai saksi pembelaan, pihak pembela akan berhujah kemudian bahawa beliau ialah saksi penting.

"Oleh itu, pihak pembela berpendapat bahawa adalah tidak wajar bagi Peguam Negara untuk mengetuai pendakwaan pada ketika ini," kata beliau.

Mohtar berkata Perkara 145 (3) dan (4) Perlembagaan Persekutuan dan juga Seksyen 376 (1) Kanun Prosedur Jenayah membenarkan beliau berbuat demikian.

Mohtar berkata beliau tidak mengetuai pendakwaan pada peringkat awal perbicaraan kerana beliau mengetahui bahawa beliau saksi penting.

"Pada penggulungan kes pendakwaan, Peguam Negara dan lain-lain ditawarkan kepada pembela dan mereka secara sopan tidak menerima tawaran itu," kata beliau.

Mohtar berkata selepas hakim membenarkan beliau dan lain-lain yang tidak dikehendaki oleh pembela menarik diri, beliau tidak lagi menjadi saksi.

Raja Aziz berkata pembelaan tidak memilih Mohtar sebagai saksi mereka kerana yakin bahawa keterangannya tidak akan menyebelahi pihaknya.

"Beliau ditawarkan dan pembela tidak memilihnya untuk memanggil beliau

tetapi itui tidak bermakna Mohtar tidak lagi peserta dalam kes," kata Raja Aziz.

Semasa membuat keputusan, Paul berkata bukan hak mahkamah untuk meminta mana-mana peguambela dan peguamcara menarik diri daripada mewakili mana-mana pihak.

Hakim berkata pembelaan boleh berhujah pada akhir kes jika mereka berasa prejudis terhadap kehadiran Peguam Negara dan mahkamah akan memberi pertimbangan sewajarnya.

Walaupun mahkamah tidak boleh menghalang Peguam Negara daripada hadir, ia boleh membuat penghakiman bahawa kehadirannya bersifat prejudis, kata beliau.

Terdahulu, sebelum prosiding bermula, Paul menasihatkan pasukan pembelaan Anwar agar tidak memberi sebarang kenyataan akhbar bagi mana-mana aspek kes itu terutama mengulas mengenai keterangan saksi atau keputusan mahkamah.

Beliau berkata kelakuan mereka itu bertentangan dengan etika guaman dan mungkin akan menjejaskan imej Majlis Peguam serta juga bertentangan dengan keputusan mahkamah pada 5 Okt lepas yang melarang mana-mana pihak membuat sebarang ulasan mengenai kes berkenaan.

Pada peringkat ini, Mohtar memaklumkan kepada mahkamah bahawa maklumat yang didapati melalui Internet menunjukkan dua peguam Anwar iaitu Pawancheek Merican dan Zulkifli Nordin telah mengadakan ceramah di United Kingdom dan Amerika Syarikat berkaitan kes berkenaan termasuk kepada pelajar undang-undang Universiti Cambridge.

Beliau berkata beliau tidak bercadang mengadakan prosiding menghina mahkamah pada peringkat ini tetapi sekiranya perlu dan diminta oleh mahkamah, bersedia menimbang untuk berbuat demikian.

Raja Aziz yang diminta menjelaskan mengenai perkara itu berkata beliau tidak mengetahui mengenainya (kedua-dua peguam berkenaan tiada dalam mahkamah semasa isu itu dibangkitkan).

Bagaimanapun beliau berkata perkara orang lain membincangkan isu itu di luar mahkamah telah dilakukan sebelum ini oleh pihak berkuasa tertinggi dan beliau sendiri telah memaklumkan kepada mahkamah mengenainya.

Katanya, Mohtar telah sebelum ini menjelaskan kepada mahkamah bahawa beliau telah menghantar surat meminta Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri ketika itu Datuk Nazri Aziz mengemukakan surat tunjuk sebab mengenai kenyataannya mengenai kes itu sebelum itu.

Dan sehingga kini tiada sebarang tindakan diambil terhadap beliau, katanya.

Mohtar berkata Jabatan Peguam Negara akan mengambil tindakan terhadap mereka yang terlibat apabila perbicaraan kes itu selesai dan isu yang dibangkit dalam hal ini melibatkan pegawai mahkamah.

Hakim bagaimanapun tidak membuat sebarang keputusan mengenai isu berkaitan maklumat dalam Internet itu.

-- BERNAMA
NHD AHH FAZ